

## Kuiz Bab 1

1. Antara peralatan perlindungan diri berikut, yang manakah berfungsi untuk melindungi mata daripada terkena bahan kimia?  
  - ☐ A. Baju makmal
  - ☐ B. Gogal
  - ☐ C. Topeng muka
  - ☐ D. Kaca mata hitam
2. Umairah ditugaskan untuk mencampurkan asid pekat dan air semasa menjalankan satu eksperimen di dalam makmal. Di manakah tempat yang sesuai digunakan oleh Umairah?  
  - ☐ A. Di dalam singki
  - ☐ B. Di dalam kabinet aliran laminar
  - ☐ C. Di dalam kebuk wasap
  - ☐ D. Di atas meja makmal
3. Semasa menjalankan eksperimen kesan bendasing terhadap takat didih air, mata Zarif terkena percikan larutan air garam. Sebagai ahli kumpulan Zarif, apakah tindakan yang perlu anda lakukan?  
P: Mengelap bahagian mata Zarif menggunakan tuala  
Q: Memaklumkan guru  
R: Membilas menggunakan penyiram mata  
S: Meniup mata Zarif  
  - ☐ A. P dan Q
  - ☐ B. P dan S
  - ☐ C. Q dan R
  - ☐ D. Q dan S
4. Antara bahan yang berikut, yang manakah boleh dibuang ke dalam singki?  
  - ☐ A. Air garam
  - ☐ B. Minyak masak
  - ☐ C. Asid hidroklorik pekat
  - ☐ D. Ammonia yang mempunyai pH 12
5. Pelupusan bahan sisa X:
  - Dibalut dengan bahan penyerap
  - Dibungkus dengan rapi dalam beg plastik biobahaya dan disejuk bekuApakah bahan sisa X?  
  - ☐ A. Jarum
  - ☐ B. Kaca
  - ☐ C. Agar-agar kering
  - ☐ D. Bangkai tikus yang digunakan dalam eksperimen
6. Nayli telah menjalankan eksperimen menggunakan darah ayam. Apakah yang perlu dilakukan oleh Nayli untuk melupuskan sisa selepas dia habis menjalankan eksperimen?  
  - ☐ A. Dinyahkontaminasi secara autoklaf dan dilupuskan terus ke dalam singki makmal
  - ☐ B. Dibungkus dengan rapi di dalam beg plastik biobahaya dan disejuk beku
  - ☐ C. Dimasukkan ke dalam bekas khas
  - ☐ D. Dibungkus dan dimasukkan ke dalam beg plastik biobahaya
7. Susun langkah menguruskan tumpahan bahan kimia di bawah dengan betul.  
W: Sekat tumpahan daripada merebak menggunakan pasir untuk membentuk sempadan  
X: Kaut tumpahan bahan kimia  
Y: Segera memberitahu guru  
Z: Buang dengan selamat  
  - ☐ A.  $W \rightarrow X \rightarrow Y \rightarrow Z$
  - ☐ B.  $Z \rightarrow W \rightarrow X \rightarrow Y$
  - ☐ C.  $Y \rightarrow W \rightarrow X \rightarrow Z$
  - ☐ D.  $X \rightarrow W \rightarrow Y \rightarrow Z$
8. Mengapakah merkuri berbahaya kepada manusia?  
  - ☐ A. Merkuri boleh menyerang sistem saraf, saluran pencernaan, sistem pembiakan dan ginjal
  - ☐ B. Merkuri boleh menyebabkan saluran pernafasan tersumbat
  - ☐ C. Merkuri boleh menyebabkan strok
  - ☐ D. Merkuri boleh menyebabkan sawan